

LAPORAN MENGHADIRI PERSIDANGAN  
**INCHEON 2009:**  
INTERNATIONAL FEDERATION OF LANDSCAPE  
ARCHITECTS (IFLA) ASIA PASIFIC CONGRESS 2009

DI  
**SONGDO CONVENTION, INCHEON, KOREA**  
1-4 SEPTEMBER 2009

*Green Culture in the City*

Disediakan Oleh;  
**INTAN SYAFINAZ LAZIM**  
Bahagian Dasar & Pengurusan Korporat  
Jabatan Landskap Negara

# INDEKS

i. Pendahuluan	...1
ii. Latarbelakang Kota Metropolitan Incheon, Korea	...2-7
<b>A. PERSIDANGAN IFLA APR 2009</b>	
Latarbelakang	...8
Tema	...8
Program	...9
Majlis Perasmian dan Pembentangan Ucaptama	10-11
<b>B. LAWATAN TEKNIKAL</b>	
<i>Lawatan I : 3 September 2009</i>	...12
<i>Sunrise Park, Songdo</i>	...13-16
<i>Michohol Park, Songdo</i>	...17-19
<i>Central Park, Songdo</i>	...20-22
<i>Lawatan II : 4 September 2009</i>	...23
<i>Ganghwa History Museum</i>	...24-25
<i>Jeondeung Temple</i>	...26-27
<i>Ganghwa Goindol (Dolmens)</i>	...28
<i>Chojijin Fortress</i>	...29
<b>C. PEMERHATIAN :</b>	
<b><u>PEMBANGUNAN LANDSKAP BANDAR</u></b>	...30
Landskap Bandar Songdo	...30-31
Landskap Bandar Bupyeong	...32
<b>D. RUMUSAN</b>	
	...33-34



# PENDAHULUAN

## TUJUAN

Tujuan laporan ini adalah untuk melaporkan hasil lawatan dan sesi menghadiri persidangan Incheon 2009 : *International Federation of Landscape Architects (IFLA) Asia Pasific Region Congress* yang berlangsung pada 1-4 September 2009 di Songdo Convensia, Incheon, Korea.

## LATARBELAKANG

*International Federation of Landscape Architects (IFLA)* adalah satu badan bukan kerajaan di peringkat antarabangsa yang ditubuhkan pada tahun 1948 dan pada masa ini beribu pejabat di Versailles, Perancis. Fungsi pertubuhan ini adalah untuk memperkuatkan profesionalism Arkitek Landskap di peringkat global serta memperkembangkan jaringan kerjasama antara profesion Arkitek Landskap di dalam misi membentuk persekitaran dunia yang mapan dan indah.

IFLA mewakili profesion arkitek landskap secara global yang berperanan meningkatkan dan menentukan pengetahuan, pengalaman dan skil Arkitek Landskap pada tahap yang mencapai syarat sebagai Arkitek Landskap Professional. Ia merupakan forum dimana arkitek landskap bertemu dan bertukar pengalaman didalam pembangunan landskap yang terkini. Di Malaysia, Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM) merupakan badan professional yang merupakan badan gabungan kepada IFLA. Semua arkitek landskap profesional hendaklah berdaftar dengan institusi ini bagi meningkatkan tahap profesionalisma masing-masing.

Persidangan *International Federation of Landscape Architects (IFLA) Asia Pasific Region Congress* bagi tahun 2009 dipilih untuk diadakan di Incheon, Korea. Dengan tema *Hybrid & Convergence of City and Landscape Architecture : Strategies for the Future*, lokasi persidangan dilihat sebagai bertepatan bagi memberi pendedahan kepada ahli profesion Arkitek Landskap di dalam meningkatkan pengalaman serta kemahiran masing-masing terutama di dalam aspek perancangan, rekabentuk dan pengurusan landskap.



# LATAR BELAKANG

## Kota Metropolitan Incheon, Korea




### PENGENALAN

Incheon, atau lebih dikenali sebagai Incheon Metropolitan City merupakan metropolis ketiga terbesar di Korea Selatan. Terletak kira-kira 70km di Selatan Seoul, Incheon merupakan bandar pelabuhan di perairan Barat Korea; kini berkembang maju sebagai hub pengangkutan utama Asia Timur.

Incheon merangkumi kawasan dengan keluasan keseluruhan 1,007.07 km persegi dan ditadbir oleh *Incheon Metropolitan City Hall* (8 daerah dan 143 pekan/kampung). Populasi Incheon dicatat dengan jumlah 2.66 juta penduduk. (Sehingga 31 Disember 2006).

Selain keunikan dan kepelbagaiannya elemen budaya tradisional Korea yang masih menjadi pegangan masyarakat setempat, wilayah Incheon juga diwarnai dengan rupabentuk fizikal seperti kawasan pergunungan, pantai dan sungai. Gunung tertinggi Incheon adalah *Mount Mani* dengan ketinggian 469.4meter dari aras laut. Incheon juga mempunyai 11 jaringan sungai utama, dan kawasan sekitar pantai Incheon merekodkan jumlah 146 pulau, 108 daripadanya tidak berpenghuni.



## LATARBELAKANG

## Kota Metropolitan Incheon, Korea

## Sejarah Awal Incheon

**Sejarah Incheon** telah wujud semenjak 37 B.C – 668 di mana telah diasaskan oleh Kerajaan Goguryeo. Sejarah mengenai pengasas Incheon telah ditulis oleh Kim Bu-sik pada tahun 1145 di dalam *Chronicles of the Three Kingdoms*. Semenjak diasaskan, Incheon menjadi jajahan beberapa dinasti seperti Dinasti Goryeo dan Joseon. Incheon dijadikan tapak penting ketenteraan pada masa tersebut sehingga berakhirnya era Unified Silla.

Incheon mula diperkenalkan sebagai pusat perdagangan semenjak awal kurun ke 19. Pada **1 Januari 1883**, Korea buat pertama kali telah memperkenalkan negaranya di mata dunia melalui **pembukaan Pelabuhan Incheon**. Semenjak tarikh tersebut, Seoul menjadi salah satu tumpuan perdagangan dunia, khususnya Asia seperti Jepun dan China.



Hasil dari jalinan perdagangan tersebut telah meningkatkan pengaruh asing ke Korea. Antaranya pengaruh awal Barat adalah apabila Henry Appenzeller, seorang pendita Katholik dari Amerika Syarikat tiba di Korea pada tahun 1885, beliau memperkenalkan Korea beberapa pembaharuan amalan Barat termasuk aspek perkhidmatan keagamaan.



Tahun 1888 menyaksikan pembinaan taman berkonsep Barat yang pertama di Korea yang dibina oleh seorang Juruukur Bahan Russia. Taman yang terletak Mount Eungbong dikenali sebagai Gakguk Park, kini lebih dikenali sebagai Jayu Park.

Pada tahun 1899, landasan keretapi pertama Korea menghubungkan Noryangjin, Seoul dengan Incheon telah dibina. Perkembangan dan penambahan kemudahan pengangkutan menjadikan Incheon mula terkenal sebagai pusat perdagangan strategik di Korea dan rantau sekitarnya.

# LATARBELAKANG

## Kota Metropolitan Incheon, Korea


### Incheon Free Economic Zone (IFEZ)

Hasil dari kepesatan ekonomi dan perkembangan wilayah Incheon dalam aspek ekonomi, Kerajaan Korea telah mensasarkan Incheon dijadikan Zon Ekonomi Bebas atau lebih dikenali dengan *Incheon Free Economic Zone (IFEZ)* pada tahun 2003 merangkumi pembangunan **3 wilayah utama Incheon** iaitu **Songdo, Cheongna dan Yeongjong Island** yang dijangka siap sepenuhnya menjelang tahun 2020.

Pembangunan *Incheon Free Economic Zone (IFEZ)* memperlihatkan banyak pembinaan mercu tanda baru yang berkonsep moden lengkap dengan kemudahan-kemudahan terkini bagi menarik minat pedagang serta pelabur asing untuk ke Incheon.



**Pelabuhan Incheon** yang telah dibuka pada tahun 1883. Usaha permodenan pelabuhan tersebut telah bermula seawal tahun 1906. Pelabuhan Incheon kini merupakan yang terbesar di pantai barat Korea. Pelabuhan tersebut juga adalah di dalam carta ke 23 terbesar di dunia (melalui penilaian muatan tan kargo) yang boleh menguruskan kira-kira 123 tan kargo setahun.



01 Incheon Grand Bridge

12.34 km-length Incheon Grand Bridge linking Yeongjong Airport City with Songdo. Business gets faster in IFEZ.

Project description : construction of the bridge  
Length : 21.27 km including the toll-roading road  
Project duration : 2004-2009 Project cost : USD 2.4 billion  
Developers : Incheon Bridge CO., Ltd., Korea Expressway Corporation



02 Songdo Landmark City (Incheon Tower)

IFEZ will present the 151-story Incheon Tower-a landmark for global business.

Project description : Incheon Tower and city construction nearby  
Area : 5,840,000m<sup>2</sup> Project duration : 2006-2017 Project cost : USD 17 billion  
Developers : Portman consortium (Portman Holdings, Samsung Corporation, Hyundai E&C, etc.)



# KONSEP PEMBANGUNAN KOTA METROPOLITAN INCHEON

Selaras dengan pengiktirafan Incheon sebagai Zon Ekonomi Bebas Korea, di peringkat tempatan, pihak berkuasa Incheon mensasarkan Incheon untuk menjadi '*World Best Premium City*' menjelang 2020 melalui pemacuan pembangunan serba baru terutama di wilayah Songdo; serta mengutamakan penekanan terhadap kualiti persekitaran yang sihat, kondusif dan moden.

Dengan berasaskan 3 motto pembangunan Incheon iaitu '*Intelligent, Dynamic and Eco-friendly City*', usaha transformasi Kota Metropolitan Incheon bermula dari tahun 2003 dan sejak itu, nama Kota Incheon telah mula dikenali dunia di dalam aspek ekonomi, pembangunan bandar serta taman serta pembinaan mercu tanda bertaraf antarabangsa.



## Characteristics of World's Best Premium City

- *Economic Stability with Tradition, History and Culture*
- *Creative Urban Structure*
- *Accessibility and Openness towards other Global Cities*
- *High Class Living Environment and Attractive Urban Brand*
- *Convenient and Safe Residential Conditions*
- *Harmonized Development throughout the City, Mature Culture and Consciousness of Citizen*




## Polisi Menjadikan Incheon 'World's Best Premium City'



Matlamat menjadikan Incheon sebagai **World's Best Premium City** melalui 10 polisi pembangunan:

1. *Build A City with a Unique Image*
2. *Build a City Where People around the World Gather*
3. *Build A Creative Culture & Arts City*
4. *Build A City with a Beautiful View*
5. *Build A City where Mature is Alive*
6. *Build A City with a Traffic Culture focused on Humans*
7. *Build A City raising Global Talent*
8. *Build A City where Lifetime Education is available*
9. *Build A City filled with Composure & Stability*
10. *Build A City filled with Sharing, Caring and Participation*



## Songdo International Business District, Incheon, Korea



**Songdo International City** merangkumi kawasan seluas **53.3 km persegi**. **Pembinaan Songdo International City bermula pada tahun 2003 melalui usaha penambakan laut (1994)** bagi mewujudkan tapak baru kawasan ini. Sehingga hari ini, kerja-kerja penambakan laut masih aktif dijalankan dan dijangka siap sepenuhnya sebagai hub perdagangan dan teknologi tinggi bertaraf antarabangsa pada tahun 2020.

# INCHEON 2009 : INTERNATIONAL FEDERATION OF LANDSCAPE ARCHITECTS (IFLA) ASIA PASIFIC CONGRESS 2009

## A. PERSIDANGAN IFLA APR 2009

### LATARBELAKANG

#### TEMA PERSIDANGAN

*Hybrid and Convergence of City and Landscape Architecture : Strategies for the Future*


Persidangan pada tahun ini memberi fokus kepada fungsi ruang di dalam bandar yang efektif bagi memenuhi keperluan penduduk dan juga aktiviti perniagaan yang menjadi keperluan utama di kebanyakan tempat di seluruh dunia. Berasaskan cabaran yang sering melanda setiap pembangunan fizikal terutama ancaman seperti pengenalan elemen-elemen baru yang bersifat ‘artificial’ dan tidak mesra alam menyebabkan aspek budaya setempat semakin diketepikan.

Senibina landskap melalui pendekatan perancangan serta rekabentuk landskap yang mengambil kira keseimbangan ekologi terbukti dapat membantu menangani isu-isu berkenaan serta meningkatkan kualiti hidup penduduk serta ruang. Ini menjadikan peranan arkitek landskap di seluruh dunia semakin penting terutama di dalam aspek perancangan bandar yang dinamik dan berpegang teguh kepada kekuatan sosio-budaya setempat. Fungsi landskap bandar bukan sahaja akan menjadi salah satu elemen fizikal di dalam bandar malah ia juga akan menjadi ‘stimulus’ kepada pembentukan struktur fizikal bandar dan aktiviti budaya bagi bandar.

**“A City Within Landscape”**

#### SUB-TEMA PERSIDANGAN

1. Birth and Re-birth of Urban Landscape
2. Regeneration of Waterfront in the City
3. Building Unique Landscape : Urban Park as Cultural Landscape



**LOKASI** > Songdo Convencia, Songdo,

**HOS** > Institut Arkitek Landskap Korea (KILA) dan Incheon Metropolitan City disokong oleh Kementerian Tanah, Pengangkutan dan Maritim Korea.

**INCHEON 2009 :**  
**INTERNATIONAL FEDERATION OF LANDSCAPE ARCHITECTS (IFLA)**  
**ASIA PASIFIC CONGRESS 2009**

## PROGRAM PERSIDANGAN

SEPTEMBER 1, Tuesday			SEPTEMBER 2, Wednesday		
Time	Event	Location	Time	Event	Location
08:00~12:00	APR Board Meeting	RM 111	09:00~15:00	Registration	Lobby
13:00~19:00	Registration	Lobby	09:30~12:40	Session A & B	RM 113 & 116
14:30~14:50	Students Competition Exhibition : Tape Cutting	Lobby	12:40~13:30	Lunch	RM 107~109
15:00~17:35	Opening Ceremony & Keynote	Ballroom, 2 <sup>nd</sup> Floor	14:00~17:10	Session A & B	RM 113 & 116
18:00~20:00	Welcome Reception	Ballroom, 2 <sup>nd</sup> Floor	14:00~17:00	Cultural Landscape Meeting	RM 111
15:00~18:00	Students Competition Exhibition	RM 115	14:00~18:00	Government Officer Meeting	RM 302
10:00~18:00	Landscape Materials Exhibition	Lobby	10:00~18:00	Students Competition Exhibition Landscape Materials Exhibition	RM 115 Lobby

SEPTEMBER 3, Thursday			SEPTEMBER 4, Friday		
Time	Event	Location	Time	Event	Location
09:30~11:40	Session A & B	RM 113 & 116	09:30~18:00	Technical Excursion II	RM 111
12:00~13:00	Lunch	Ballroom, 2 <sup>nd</sup> Floor	18:30~20:30	Farewell Party	Ballroom, 2 <sup>nd</sup> Floor
13:00~18:00	Technical Excursion I	Course A	10:00~18:00	Students Competition Exhibition	RM 115
18:30~21:00	Design Workshop	RM 113	10:00~18:00	Landscape Materials Exhibition	Lobby
10:00~18:00	Students Competition Exhibition	RM 115			
10:00~18:00	Landscape Materials Exhibition	Lobby			

# INCHEON 2009 : INTERNATIONAL FEDERATION OF LANDSCAPE ARCHITECTS (IFLA) ASIA PASIFIC CONGRESS 2009

## MAJLIS PERASMIAN

Majlis Perasmian persidangan berlangsung di Ballroom Songdo Convensia dan dirasmikan oleh Pengerusi *Incheon City Board*. Majlis ini dihadiri oleh kira-kira 300 orang tetamu termasuk peserta persidangan yang berjumlah 125 orang.

Peserta persidangan terdiri daripada para perwakilan ahli jawatankuasa pertubuhan (IFLA) dan ahli-ahli profesional arkitek landskap dari 12 negara Asia Pasifik seperti Jepun, Malaysia, Hong Kong, Singapura, China, New Zealand, Australia, Iran dan Thailand.

Perwakilan Arkitek Landskap dari Malaysia yang turut hadir di dalam persidangan ini ialah Y.Bhg. Dato' Ismail bin Ngah (JLN/ILAM), Prof. Dr. Mustafa Kamal bin Mohd Sharif (UPM) dan Prof. Dr. Nik Ismail Azlan (UiTM).

